



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## SOALAN LAZIM “HIDUP BERSAMA COVID-19”

BERMULA 15 JULAI 2024

### 1. Apakah kewajaran Malaysia memasuki fasa peralihan kepada “Hidup Bersama COVID-19?”

Malaysia seperti negara-negara lain di dunia telah menghadapi pandemik COVID-19 sejak tahun 2020. Setelah lebih empat (4) tahun mengharungi COVID-19 dengan pelbagai kaedah untuk menanganinya, negara sekarang berada dalam situasi yang lebih baik dan bersedia untuk peralihan fasa hidup bersama COVID-19.

Situasi COVID-19 di Malaysia terus terkawal dan tidak membebankan fasiliti kesihatan sedia ada. Kebanyakan kes yang dilaporkan mengalami gejala ringan dan tidak memerlukan rawatan di hospital.

Dalam fasa “Hidup Bersama COVID-19”, tujuan pengurusan COVID-19 adalah untuk melindungi golongan rentan yang berisiko tinggi untuk mendapat penyakit yang lebih teruk.

### 2. Bagaimanakah pengurusan kes positif COVID-19 dalam fasa “Hidup Bersama COVID-19”?

Bermula 15 Julai 2024, **TIADA** lagi Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di rumah atau ‘*Home Surveillance Order*’ (HSO) akan diberikan. Individu yang disahkan positif COVID-19 akan dirawat sepertimana jangkitan saluran pernafasan yang lain.

Walau bagaimanapun, kes positif masih berpotensi untuk menyebarkan jangkitan dan digalakkan untuk kekal berada di rumah, jika boleh. Sekiranya perlu keluar rumah untuk bekerja dan sebagainya, pakai pelitup muka, elakkan interaksi rapat dengan orang lain, dan elakkan tempat yang sesak untuk tempoh seminggu dari tarikh mula bergejala.

Sekiranya gejala bertambah teruk, dapatkan rawatan lanjut di fasiliti kesihatan.

**3. Bagaimana jangkitan COVID-19 boleh disahkan? Sekiranya saya bergejala, adakah saya patut melakukan ujian RTK-Antigen sendiri COVID-19?**

Bermula 15 Julai 2024, ujian pengesahan bagi COVID-19 **hanya** melalui RTK-Antigen profesional (yang diselia atau dilakukan oleh petugas kesihatan) dan PCR. RTK-Antigen sendiri TIDAK lagi terpakai untuk pengesahan COVID-19. Ujian akan dilakukan bagi tujuan rawatan dan bukan untuk tujuan saringan.

Anda masih boleh melakukan ujian RTK-Antigen sendiri, tetapi jangkitan COVID-19 hanya akan disahkan melalui keputusan positif daripada RTK-Antigen profesional atau PCR.

**4. Adakah saya masih perlu memuat naik keputusan ujian COVID-19 ke aplikasi MySejahtera?**

Tidak perlu. Bermula 15 Julai 2024, keputusan ujian COVID-19 tidak perlu lagi dimuat naik ke aplikasi MySejahtera. Keputusan ujian positif COVID-19 akan dilaporkan oleh pengamal perubatan melalui sistem eNotifikasi.

**5. Sekiranya saya disahkan positif COVID-19, adakah saya dikehendaki hadir bekerja? Adakah saya boleh mendapatkan sijil cuti sakit?**

Individu yang disahkan positif COVID-19 akan dirawat sepertimana jangkitan saluran pernafasan yang lain. Sekiranya tidak dapat hadir bekerja kerana tidak sihat, dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan. Sijil cuti sakit diberikan mengikut keadaan kesihatan selepas dinilai oleh Pengamal Perubatan. Bukan semua kes COVID-19 akan mendapat sijil cuti sakit.

Bincang dengan pihak majikan bagi susun atur kerja yang paling sesuai apabila mengetahui anda positif. Pihak majikan boleh memanggil anda untuk balik bekerja sekiranya keadaan kesihatan anda membenarkan. Sekiranya perlu hadir bekerja, pakai pelitup muka dan elakkan interaksi rapat dengan orang lain.

**6. Berapa harikah sijil cuti sakit akan diberikan untuk kes yang disahkan positif COVID-19?**

Sijil cuti sakit diberikan mengikut keadaan kesihatan selepas dinilai oleh Pengamal Perubatan. Bilangan hari cuti sakit adalah bergantung kepada penilaian dan budi bicara Pengamal Perubatan yang merawat. Tiada bilangan hari yang ditetapkan untuk cuti sakit bagi kes COVID-19. Bukan semua kes COVID-19 akan mendapat sijil cuti sakit.

**7. Apakah tanggungjawab majikan di sektor swasta apabila pekerja disahkan positif COVID-19?**

Majikan di sektor swasta disarankan untuk membuat pertimbangan sama ada pekerja yang disahkan positif COVID-19 perlu hadir ke tempat kerja atau boleh Bekerja Dari Rumah, berdasarkan polisi syarikat masing-masing.

Sekiranya pekerja perlu hadir bekerja, rancang susun atur kerja yang sesuai (tidak berisiko kepada pekerja lain atau pelanggan, contohnya bekerja dalam bilik secara persendirian atau dengan jarak dari pekerja lain).

**8. Adakah ibu bapa yang mempunyai anak yang disahkan positif COVID-19 boleh mendapat Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin atau Memerlukan Pengasingan?**

Senarai jenis penyakit berjangkit yang boleh menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin atau Memerlukan Pengasingan adalah sepertimana tersenarai dalam Lampiran SR.5.4.4(A) iaitu enam (6) jenis penyakit berjangkit dengan penambahan lain-lain penyakit berjangkit yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta. COVID-19 adalah termasuk dalam "Lain-lain penyakit berjangkit". Namun, apa-apa jua penyakit berjangkit yang menggunakan kemudahan cuti ini harus diperakukan oleh Pegawai Perubatan. Kemudahan ini juga tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dan atas kelulusan Ketua Jabatan.

**9. Adakah petugas kesihatan yang disahkan positif COVID-19 dibenarkan atau dikehendaki hadir bekerja?**

Petugas kesihatan yang positif COVID-19 akan dirawat sepertimana jangkitan saluran pernafasan yang lain. Sekiranya tidak dapat hadir bekerja kerana tidak sihat, dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan. Sijil cuti sakit diberikan mengikut keadaan kesihatan selepas dinilai oleh Pengamal Perubatan. Bukan semua kes COVID-19 akan mendapat sijil cuti sakit.

Sekiranya tidak mendapat sijil cuti sakit, penilaian perlu dibuat untuk risiko penularan jangkitan di tempat kerja. Ketua Jabatan/Penyelia perlu mempertimbangkan sama ada petugas kesihatan tersebut mengendalikan golongan berisiko tinggi. Sebolehnya rancang susun atur kerja yang tidak membabitkan pesakit untuk tempoh sementara.

Petugas Kesihatan yang positif COVID-19 dan sesuai untuk balik bekerja digalakkan memakai pelitup muka mengikut amalan kawalan dan pencegahan jangkitan semasa bertugas.

**10. Adakah pelajar yang disahkan positif COVID-19 dibenarkan untuk pergi ke sekolah?**

Pelajar yang positif COVID-19 akan dirawat sepertimana jangkitan saluran pernafasan yang lain. Sekiranya tidak dapat hadir ke sekolah kerana tidak sihat, dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan. Sijil cuti sakit diberikan mengikut keadaan kesihatan selepas dinilai oleh Pengamal Perubatan. Bukan semua kes COVID-19 akan mendapat sijil cuti sakit.

Sekiranya boleh hadir ke sekolah, pakai pelitup muka dan elakkan interaksi rapat dengan orang lain untuk tempoh seminggu dari tarikh mula bergejala.

**11. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat pelajar yang disahkan positif COVID-19 duduk di asrama?**

Sekiranya terdapat pelajar yang disahkan positif COVID-19 duduk di asrama, digalakkan untuk pelajar tersebut diasingkan di bilik tidur yang lain sehingga gejalanya bertambah baik atau memanggil ibu bapa untuk membawa balik pelajar tersebut.

Pihak pengurusan asrama juga perlu melaporkan kejadian wabak COVID-19 atau penyakit jangkitan saluran pernafasan yang lain (apabila terdapat dua kes dan ke atas) kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang berhampiran.

**12. Adakah pelajar yang disahkan positif COVID-19 dibenarkan untuk mengambil peperiksaan di dewan peperiksaan bersama pelajar lain?**

Semasa sesi peperiksaan, pelajar yang disahkan positif COVID-19 boleh mengambil peperiksaan di dewan peperiksaan yang sama dengan pelajar lain dengan syarat pelajar positif memakai pelitup muka dan tempat duduknya dijarakkan daripada pelajar-pelajar lain.

**13. Adakah saya perlu risau sekiranya terdapat pelajar yang positif COVID-19 dalam kelas yang sama dengan anak saya?**

Anda tidak perlu risau sekiranya terdapat pelajar yang positif COVID-19 dalam kelas yang sama dengan anak anda, asalkan pelajar tersebut memakai pelitup muka dan tempat duduknya dijarakkan daripada pelajar-pelajar lain.

**14. Apakah yang perlu dilakukan oleh kontak rapat kepada kes yang disahkan positif COVID-19?**

Kontak rapat kepada kes yang disahkan positif COVID-19 digalakkan memantau gejala dan tahap kesihatan. Sekiranya gejala berterusan atau bertambah teruk, dinasihatkan untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan lanjut di fasiliti kesihatan berhampiran.

## 15. Adakah pemakaian pelitup muka masih diwajibkan?

Pemakaian pelitup muka DIGALAKKAN bagi:

- i. Individu yang positif COVID-19 dan perlu meminimumkan interaksi sosial serta mengelakkan tempat sesak
- ii. Petugas kesihatan ketika berada di fasiliti kesihatan, terutama semasa menguruskan pesakit selaras dengan amalan kawalan dan pencegahan jangkitan.
- iii. Individu yang bergejala seperti batuk dan selesema, terutama ketika berada di fasiliti kesihatan atau tempat yang sesak dengan pengudaraan yang kurang baik, untuk mengelakkan jangkitan kepada orang lain.

## 16. Saya seorang Pengamal Perubatan. Terdapat pesakit yang disahkan positif COVID-19 melalui RTK-Antigen profesional/PCR di fasiliti kesihatan saya. Adakah saya perlu membuat notifikasi kes ini? Bagaimana notifikasi perlu dibuat?

Ya, keputusan ujian positif COVID-19 **wajib** dinotifikasi oleh pengamal perubatan, sama seperti penyakit-penyakit berjangkit lain dalam Jadual 1, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Notifikasi perlu dibuat melalui sistem eNotifikasi.

## 17. Apakah yang perlu dilakukan oleh golongan berisiko tinggi yang dijangkiti COVID-19?

Golongan berisiko tinggi yang dijangkiti COVID-19 dinasihatkan untuk mendapat rawatan awal di fasiliti kesihatan berhampiran. Golongan berisiko tinggi adalah:

- i) Warga emas berumur 60 tahun ke atas
- ii) Individu yang tinggal di pusat penjagaan
- iii) Individu dengan komorbid atau imuniti rendah

Ini adalah kerana mereka lebih berisiko untuk mendapat komplikasi penyakit COVID-19 yang lebih teruk.

## 18. Apakah tanggungjawab orang ramai dalam fasa “Hidup Bersama COVID-19”?

Orang ramai dinasihatkan untuk mengamalkan penilaian risiko sendiri dan mengambil langkah-langkah kawalan dan pencegahan kesihatan awam. Golongan berisiko tinggi digalakkan untuk memakai pelitup muka apabila berada di tempat yang sesak atau mempunyai pengudaraan yang kurang baik.

Langkah-langkah pencegahan COVID-19 juga boleh mencegah penyakit respiratori yang lain, seperti influenza dan *Mycoplasma pneumoniae*. Langkah-langkah ini adalah:

- i) Memakai pelitup muka di tempat yang sesak
- ii) Mengamalkan etika batuk yang baik
- iii) Cuci tangan dengan kerap
- iv) Menjaga kebersihan diri dan persekitaran
- v) Memastikan pengudaraan yang baik
- vi) Mengambil vaksin bagi penyakit yang mempunyai vaksin seperti COVID-19 dan influenza.

## 19. Adakah saya perlu mengambil dos penggalak vaksin COVID-19?

Objektif pemberian vaksin COVID-19 adalah untuk melindungi populasi Malaysia terutamanya **individu yang berisiko tinggi** daripada morbiditi dan mortaliti akibat jangkitan COVID-19.

Syor terbaharu pemberian vaksin COVID-19 adalah seperti berikut:

- A. Individu yang **belum pernah** menerima vaksin COVID-19 boleh menerima dua – tiga dos vaksin COVID-19 (Sinovac). Senarai individu yang layak:
  - i. Individu berumur 18 tahun dan ke atas
  - ii. Individu berumur 5 hingga 17 tahun dengan **komorbiditi**
  - iii. Anggota kesihatan terutamanya yang mempunyai kontak secara langsung dengan pesakit
  - iv. Individu berumur 5 tahun dan ke atas dalam kategori ***immunocompromised***
  - v. Ibu hamil
  
- B. Individu yang **pernah menerima** sekurang-kurangnya satu (1) dos vaksin COVID-19 boleh menerima satu dos tambahan 6 – 12 bulan dari dos terakhir. Senarai individu yang layak:
  - i. Individu berumur 60 tahun dan ke atas
  - ii. Individu berumur 5 tahun dan ke atas dalam kategori ***immunocompromised***
  - iii. Individu berumur 18 tahun dan ke atas dengan **komorbiditi**
  - iv. Anggota kesihatan terutamanya yang mempunyai kontak secara langsung dengan pesakit
  - v. Ibu hamil

## 20. Kenapa Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan yang sepatutnya berakhir pada 30 Jun 2024, dilanjutkan dari 1 Julai 2024 sehingga 31 Disember 2024?

Pengisytiharan Kawasan Tempatan Jangkitan dilanjutkan bagi membolehkan penguatkuasaan beberapa peruntukan, **jika perlu**, di dalam Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Fasa Peralihan ke

Endemik) 2022 [P.U.(A) 83/2022] di bawah subseksyen 11 (2) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

Antara yang termasuk dalam Peraturan ini adalah;

- i. kuasa Ketua Pengarah Kesihatan mengarahkan perubahan polisi atau Garis Panduan COVID-19
- ii. pegawai yang diberi kuasa boleh mendapatkan maklumat dan menjalankan siasatan kejadian COVID-19
- iii. supaya majikan patuh kepada SOP COVID bila diperlukan (membenarkan KKM buat saringan COVID-19, siasatan, tanggung kos rawatan pekerja)
- iv. sekiranya terdapat lonjakan kes COVID-19 luar biasa, KPK boleh mengarahkan kuarantin atau isolasi selain di hospital.

**21. Adakah terdapat sebarang kebimbangan mengenai kenaikan kes COVID-19 selepas ini?**

COVID-19 akan terus bersama kita seperti virus saluran pernafasan yang lain. Peningkatan kes dari semasa ke semasa adalah dijangkakan dan tidak membimbangkan asalkan tidak menyebabkan penyakit yang lebih teruk atau membebankan fasiliti kesihatan sedia ada.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus memantau situasi COVID-19 dalam negara dan menggunakan *Heightened Alert System* (HAS) untuk memberi amaran awal sekiranya terdapat perubahan kepada situasi COVID-19 dalam negara. Tiga (3) indikator yang dipantau dalam HAS ialah kes baharu COVID-19, kes kematian COVID-19, dan kemasukan kes COVID-19 ke hospital.

**22. Adakah terdapat sebarang kebimbangan mengenai varian COVID-19 yang baharu selepas ini?**

Virus SARS-CoV-2 adalah virus RNA yang sering mengalami mutasi, namun sejak awal tahun 2022 sehingga kini, tiada varian baharu selain Omicron yang dikesan di Malaysia. Pelbagai sub-varian baharu varian Omicron telah ditemui, termasuk XBB, BA.4, BA.5, BA1.16, BA2.86, dan KP.2, tetapi kesemuanya tidak menyebabkan komplikasi penyakit yang lebih teruk.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan meneruskan surveilans genomik bagi COVID-19, termasuk mengambil sampel daripada kes-kes positif yang teruk dan kes kematian serta sampel air kumbahan dalam komuniti dan dalam pesawat dari luar negara, untuk pengesanan awal sebarang varian baharu.

**23. Apakah tindakan Kementerian Kesihatan Malaysia sekiranya berlaku lonjakan kes COVID-19?**

Dalam fasa “Hidup Bersama COVID-19”, tujuan pengurusan COVID-19 bukan untuk mengurangkan kes, tetapi adalah untuk melindungi golongan rentan yang berisiko

tinggi untuk mendapat penyakit yang lebih teruk. Peningkatan kes dari semasa ke semasa adalah dijangkakan dan tidak membimbangkan asalkan tidak menyebabkan penyakit yang lebih teruk atau membebankan fasiliti kesihatan sedia ada.

Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai Pelan Kesiapsiagaan untuk menghadapi lonjakan kes dengan kadar kemasukan ke ICU atau kadar kematian yang tinggi. Fasiliti kesihatan dan petugas kesihatan sentiasa bersedia untuk lonjakan kapasiti sekiranya diperlukan.

#### **24. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan maklumat sahih mengenai COVID-19?**

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat situasi COVID-19 daripada sumber yang sahih seperti Portal KKMNOW (<https://data.moh.gov.my>) Kenyataan Media daripada YB Menteri Kesihatan dan Ketua Pengarah Kesihatan serta Media Sosial rasmi KKM.

Garis Panduan Pengurusan COVID-19 boleh diakses di laman sesawang <https://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduan-kkm>

#### **Disediakan oleh:**

Pasukan Komunikasi Risiko  
CPRC Kebangsaan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dikemaskini pada 6 Julai 2024 jam 5.30 petang

#### **Disemak oleh:**

Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia